

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, November 19, 2017 4:46 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Kemahiran Urus Masa Bantu Graduan VVIP Sambung Pengajian Peringkat Tinggi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



19 NOVEMBER 2017 / 30 SAFAR 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee dan Mohamad Azman Mohamad
Gambar oleh: Seksyen Fotografi

KEMAHIRAN URUS MASA BANTU GRADUAN VVIP SAMBUNG PENGAJIAN PERINGKAT TINGGI



UUM ONLINE: Kekangan masa dan tanggungjawab terhadap kerjaya tidak menjadi halangan besar kepada graduan VVIP untuk menimba ilmu sehingga ke peringkat Doktor Falsafah dan Sarjana.

Walaupun masing-masing sibuk dengan kerjaya dan kehidupan seharian, ia tidak menjadi alasan untuk mereka menyambung pengajian ke peringkat tertinggi lagi.

Dato' Seri Ismail Abd Muttalib yang merupakan Timbalan Menteri Sumber Manusia berkata, beliau bangga kerana dengan bimbingan beberapa orang profesor dan pensyarah UUM ini, lebih 25 sahabat dalam kalangan Ahli Parlimen bersepakat untuk mewujudkan kelas di Parlimen dengan bimbingan mereka.

Menurutnya, selama ini beliau hanya memberi motivasi dan nasihat kepada anak muda untuk menuntut ilmu sepanjang hayat dan beliau juga telah membuktikan kejayaannya kepada sekuruh masyarakat bahawa ilmu boleh dicari demi masa depan.

"Sebagai ahli politik tidak ketinggalan berhadapan dengan cabaran, jadi apabila kita berada di dunia pendidikan dan menambah ilmu pengetahuan ini, kita bukan sahaja mengimbangi tanggungjawab sebagai Ahli Parlimen tetapi kepada masyarakat.

"Setiap hari kita berhadapan dengan suasana, emosi, masyarakat yang berbeza dan dengan ilmu yang tinggi ini membuatkan saya lebih selesa dan penuh kasih sayang untuk menjalankan tanggungjawab sebagai ahli politik, seterusnya dapat berkongsi pengetahuan dengan masyarakat," katanya yang menerima Ijazah Doktor Falsafah Pengurusan Pembangunan, semalam.

Bagi Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Dato' Abdul Fattah Abdullah, menggalas pelbagai komitmen memerlukan beliau untuk mempunyai kemahiran mengurus masa termasuk sokongan dan motivasi terutama daripada pensyarah yang membantu memilih mod pembelajaran yang bersesuaian.

"Setelah dua tahun bertungkus-lumus, saya berjaya menamatkan pengajian peringkat sarjana dalam bidang Pengurusan Awam dan paling mengembirakan kerana berjaya menyiapkan tesis berkaitan koperasi dalam tempoh dua tahun itu juga.

"Kelak, hasil kajian yang diperoleh ini akan digunakan untuk membantu meningkatkan kompetensi pengurusan koperasi sekolah cemerlang dan tesis ini akan dijadikan sebagai panduan kepada Angkasa dan juga agensi lain seperti KPDNKK, Kementerian Pelajaran Malaysia yang boleh dijadikan dasar," ujarnya yang merupakan penerima ijazah pada sesi kedua, hari ini.

Sementara itu, Dato' Muhammad Olian Abdullah yang merupakan mantan Ahli Dewan Negara berkata, proses belajar tiada penghujung dan pentingnya mempunyai semangat, kemahuan dan keinginan untuk belajar.

"Untuk mengubah nasib sesuatu masyarakat adalah dengan senjata paling ampuh iaitu pendidikan dan saya mahu mengubah nasib masyarakat Orang Asli dan kejayaan menyambung pengajian ke peringkat ini adalah sebagai satu pemberi semangat kepada mereka," kata anak kelahiran Kampung Orang Asli Bukit Rok, Bera, Pahang.

Turut menerima ijazah pada Konvokesyen Ke-30 UUM ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Serom, Abdul Razak Minhat yang menerima ijazah Doktor Pentadbiran Perniagaan dan juga Ahli Parlimen Kangar, Shahrudin Ismail yang menerima Ijazah Sarjana Pengurusan Awam.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.